

HUBUNGAN ANTARA PENERIMAAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN TUJUAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DENGAN KEMAHIRAN SOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA

THE RELATIONSHIP BETWEEN THE USE OF TECHNOLOGY ACCEPTANCE AND THE PURPOSE OF SOCIAL MEDIA TOWARDS UNIVERSITY STUDENTS SOCIAL SKILLS

Saheera Sardar Mohamed¹
Salme Yahya²

¹Communication Department, Universiti Putra Malaysia
(Email: saheerasardar@yahoo.com)

²School of Business and Hospitality, Megatech International College
(Email: salmeyahya@yahoo.com)

Accepted date: 1-12-2019

Published date: 15-1-2020

To cite this document: Mohamed,S.S., & Yahya,S. (2019). Hubungan Antara Penerimaan Penggunaan Teknologi Dan Tujuan Penggunaan Media Sosial Dengan Kemahiran Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 2(5), 7 – 18.

Abstrak: Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan tujuan penggunaan media sosial dan penerimaan penggunaan teknologi media terhadap kemahiran sosial mahasiswa dengan menjadikan personality ekstraversi mahasiswa sebagai pemboleh ubah moderator. Kajian ini berbentuk deskriptif kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan menggunakan Teori Kegunaan dan Kepuasan oleh Whiting & Williams (2013), Model Penerimaan Bersepadu Teknologi (UTAUT) oleh Venkatesh (2003) , Teori Personaliti ekstraversi oleh Hans. J Eysenck (1952) dan Model Inventori Kemahiran Sosial (SSI) oleh Riggio (1986) sebagai latar belakang teori. Jangkaan dapatan dalam kajian ini menunjukkan bahawa ketagihan terhadap penggunaan media sosial mampu mempengaruhi kemahiran sosial individu yang terlibat. Sekiranya ketagihan ini semakin berlarutan, terdapat kemungkinan di mana pola aktiviti harian, emosi dan fikiran individu yang mengalami ketagihan ini akan turut terpengaruh. Namun begitu, perubahan ini tidak semestinya akan menjurus kepada perubahan yang negatif dan membimbangkan. Pengkaji berpendapat bahawa terdapat kesan yang positif yang berkemungkinan terhasil melalui perubahan ini. Walaubagaimanapun, ianya bergantung dengan pembolehubah yang terdapat dan berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini.

Kata Kunci: Ekstraversi, Kemahiran Sosial, Personaliti, Penerimaan Penggunaan Teknologi, Pola, Media Sosial.

Abstract: *The purpose of this study is to identify the relationship between the purpose of social media and the technology acceptance of social media towards student's social skills by making students extraversion personality as a moderator variable. This study is a quantitative descriptive study that uses questionnaires as a research instrument and uses Theory of Use and Satisfaction by Whiting & Williams (2013), The Integrated Model of Technology Acceptance (UTAUT) by Venkatesh (2003), Hans Extension's Theory of Personality Theory. J Eysenck (1952) and Social Skills Inventory Model (SSI) by Riggio (1986) as a theoretical background. The findings of this study indicate that addiction to social media use can influence the social skills of the individuals involved. As these addictions continue, there is a possibility that the patterns of daily activities, emotions and thoughts of the individuals affected will also be affected. However, these changes do not necessarily lead to negative and alarming changes. Researchers are of the view that there are some positive effects that may result from this change. However, it depends on the variables available and related to the present study.*

Keywords: *Extraversion, Social Skills, Personality, Technology Acceptance, Pattern, Social Media.*

Pengenalan

Revolusi komunikasi telah mencetuskan perubahan dari semasa ke semasa (Mahfudlah Fajrie, 2015). Perubahan tersebut boleh diperhatikan secara jelas apabila kini manusia lebih meminati untuk berinteraksi dengan menggunakan media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan lain-lain berbanding berinteraksi secara bersemuka. Berikut adalah beberapa contoh media sosial yang terkenal seperti Facebook dan Twitter. Facebook adalah laman web rangkaian sosial percuma popular yang membolehkan pengguna berdaftar untuk membuat profil, memuat naik foto dan video, menghantar mesej dan berhubung dengan rakan, keluarga dan rakan sekerja.

Penggunaan media sosial dalam kalangan penduduk Malaysia sering mencetuskan polemik dalam kalangan penyelidik kerana didapati kelompok yang ketagih dengan media sosial adalah mereka yang berada dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun. Kajian yang dilakukan oleh Manap (2016) telah mengesahkan daripada 750 responden yang berumur 13 hingga 21 tahun, secara purata, kelompok ini menggunakan 11.6 jam sehari untuk penggunaan media sosial. Justeru itu, penggunaan media sosial sebagai trend dalam kalangan belia tidak boleh disangkal lagi. Mahasiswa merupakan antara individu yang termasuk dalam kelompok ini. Faktor mempunyai banyak masa dan tidak terikat dalam komitmen bekerja menjadikan mahasiswa mempunyai masa yang banyak boleh diperuntukkan untuk melayari media sosial.

Populariti dan kepesatan penggunaan media sosial sebagai medium berinteraksi dalam kalangan mahasiswa telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa dan pihak university akan implikasinya terhadap kemahiran sosial mahasiswa pada masa kini (Destiana, Salman, & Rahim, 2013). Kemahiran sosial ditakrifkan sebagai sebarang reaksi kognitif atau tingkah laku yang prihatin untuk melakukan perhubungan interpersonal secara efektif dengan orang lain dalam situasi sosial atau kerja (Beheshtifar, 2013) sama ada rakan sebaya dan pengajar (Zorofi, 2013). Reaksi kognitif ini termasuklah perasaan empati, memahami perasaan orang lain, dan penilaian terhadap sebarang kesan daripada tindakan tingkah laku sosial yang dilakukan terhadap orang lain (Drago, 2015). Kemahiran sosial ini boleh dilihat daripada tingkah laku bekerjasama, berdikari, persahabatan, tindak balas terhadap sesuatu

aktiviti dan melakukan perkara yang diminta oleh orang lain (Beheshtifar, 2013; Nabawy, Moawad, Gad, & Ebrahim, 2016). Ledakan penggunaan media sosial yang tidak terkawal dalam kalangan mahasiswa dan tiada kawalan ibu bapa semasa mahasiswa belajar di institusi pengajian tinggi telah menimbulkan polemik persoalan dalam kalangan penyelidik bagaimana pengaruh media sosial terhadap pembentukan kemahiran sosial belia yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi.

Penyataan masalah

Aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan pelbagai aplikasi yang lain bukanlah suatu aplikasi sosial yang asing lagi bagi mahasiswa (Kim & Kim, 2017). Segala maklumat terbaru dan perkembangan terkini dalam kehidupan mereka sangat mudah diperoleh dan dikongsi dengan orang lain (Nabawy, Moawad, Gad, & Ebrahim, 2016). Malah adalah tidak pelik jika walaupun mahasiswa ini berada di tempat-tempat yang jauh dari bandar mahupun dari segala pelusuk dunia dapat diperoleh dengan mudah. Kemudahan ini menyebabkan media sosial menjadi keperluan yang sangat penting dalam kehidupan mereka. Walaubagaimanapun, satu halangan penting yang sedia ada di media sosial di Malaysia adalah kekurangan pemahaman mengenai penggunaan dan implikasinya terhadap keperibadian pengguna terutamanya di kalangan pelajar universiti, iaitu ia berkaitan dengan profil pengguna media sosial. Tujuan atau bagaimana media sosial digunakan dan yang paling penting adalah media sosial yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan personaliti.

Kemunculan begitu banyak laman rangkaian sosial media juga mempunyai beberapa kelemahan negatif di mana salah satu daripada mereka adalah bahawa mereka boleh membawa pelajar menjadi terlalu obses dan ketagihan sehingga dapat memberi kesan negatif kepada pelajar. Kesan daripada ketagihan media sosial ini menjadikan remaja mempunyai perasaan keseronokan, mengalami perubahan tingkah laku dan emosi, dan menunjukkan ketagihan psikologi (Echeburúa & Requenses, 2012). Kesan yang dialami oleh remaja telah ditunjukkan pada tabiat tidur yang diubah, kerana mereka lebih suka untuk menggunakan media sosial pada waktu malam, sekali gus mengurangkan jam tidur, perubahan dalam gaya hidup, di mana terdapat kekurangan kepada kepentingan dalam sukan atau aktiviti-aktiviti lain. Tambahan lagi, menurut Matali & Alda (2008) terdapat juga beberapa kesan seperti cepat marah, perubahan emosi dan prestasi akademik yang rendah. Selain daripada itu, menurut Abdul Rahman (2014) kemahiran komunikasi pelajar mungkin dipengaruhi kerana ketagihan. Ini disokong oleh Alim (2014) yang berpendapat bahawa kesan buruk yang paling ketara dapat diperhatikan dalam penggunaan media sosial yang berlebihan adalah masalah ketagihan.

Selain itu, belia merupakan kelompok yang menjadi penggerak kepada perkembangan dan revolusi penggunaan media sosial sejak awal lagi bermula dengan Internet. Penggunaan media sosial juga mempunyai hubungannya dengan personaliti seseorang pengguna media sosial. Dalam beberapa penelitian penyelidikan lepas kajian tentang penggunaan media sosial menjadi perhatian para sarjana dalam dunia penyelidikan (Bachrach, Kosinski, Graepel, Kohli, & Stillwell, 2012; Schaubhut, Weber, & Thompson, 2012; Correa, 2013; Teresa Correa, Hinsley, & Zúñiga, 2010; Lee, 2014; Yao, 2014). Belia yang tidak mempunyai kemahiran sosial akan berhadapan masalah dalam kehidupan mereka. Malah ada sebahagian belia yang gagal untuk berinteraksi dalam masyarakat dan terlalu obses dengan melayari laman sosial sehingga mereka bertindak mengasingkan diri kerana tidak tahu bagaimana untuk berinteraksi dengan orang lain kerana malu, perasaan rendah diri atau tidak mempunyai keyakinan diri. Media sosial telah menjadi salah satu gaya kehidupan kelompok belia ini.

Walau bagaimanapun, sejauh mana trend penggunaan media sosial ini mempengaruhi kemahiran sosial belia? Oleh itu, kajian ini akan dilakukan bagi menjawab persoalan tersebut.

Selain daripada melihat kesan rangkaian media sosial terhadap kemahiran sosial pelajar, Yoo dan Gretzel (2010) menegaskan bahawa perlu mengkaji implikasi keperibadian di dalam konteks penggunaan teknologi media kerana ia merupakan faktor penting yang mempengaruhi pelbagai tingkah laku manusia dan pilihan. Majoriti penyelidikan kini hanya tertumpu kepada penggunaan media sosial dan penggunaan hanya tertumpu pada laman rangkaian sosial (Correa, Hinsley & de Zuniga, 2010). Media sosial juga didakwa memberi implikasi kepada manusia berkaitan dengan keperibadian, tetapi pembolehubah ini tidak banyak ditekankan dalam kajian terdahulu (Yoo & Gretzel, 2010). Oleh itu, adalah penting untuk menyerlahkan lagi penerimaan penggunaan teknologi media sosial terhadap keperibadian pengguna. Memandangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh negara dalam profil profesion sosial media dan implikasinya memandangkan perspektif personaliti, tepat pada masanya dan sangat penting untuk menjalankan kajian ini.

Disamping itu, kajian tentang personaliti dan media sosial juga menjadi tumpuan beberapa penyelidik dalam bidang komunikasi dan sains sosial (Bachrach et al., 2012; Correa et al., 2013; Correa et al., 2010; Lee, 2014; Mark & Ganzach, 2014; Yao, 2014). Kajian tentang personaliti dengan kemahiran sosial juga telah dilakukan oleh para sarjana seperti Alim (2014), Destiana (2013), Drago (2015) dan Musa et al. (2016). Manakala kajian Faradillah (2014), Kim dan Kim (2017), Lee (2014) dan Manap et al., (2016) pula menunjukkan hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dengan pembentukan kemahiran sosial belia. Penggunaan media sosial akan mengalami gangguan personaliti seperti personaliti antisosial atau gangguan kebimbangan sosial turut mempunyai kekurangan dalam aspek kemahiran sosial ini.

Fungsi trait personaliti sebagai moderator pernah diuji oleh beberapa pengkaji lepas. Walaupun terdapat perbezaan pemboleh ubah yang digunakan untuk menguji kesan trait personaliti sebagai moderator, namun ianya masih boleh dijadikan panduan melalui prinsip kesan moderator sebagai suatu elemen perbandingan serta memenuhi gap kajian. Tambahan pula, masih wujud kekaburan adakah personaliti mahasiswa boleh menjadi pemboleh ubah pengantaraan antara tujuan penggunaan media sosial dan kemahiran sosial mereka. Perkaitan ini masih belum dijawab oleh penyelidik-penyelidik lepas yang menjadi pendorong kepada penyelidik untuk melakukan kajian ini.

Kajian Literatur

Media Sosial

Media sosial telah membawa perubahan dalam proses komunikasi manusia di mana jika sebelum ini proses komunikasi hanya berlaku secara bersemuka, kini, komunikasi juga boleh dilakukan secara alam maya (Lau, 2017; Whiting & William, 2013). Sebagaimana yang diutarakan oleh Cabosky dan Cabosky (2016), media sosial telah membentuk satu kelompok jaringan yang berasaskan aplikasi dalam internet.

Pada peringkat permulaan, media sosial mula tersebar luas dengan kemunculan *Friendster*, *MySpace*, dan *Facebook* yang melangkaui pasaran “niche” sebelum itu (Correa, Hinsley, & de Zúñiga, 2010). Gelombang baharu laman sosial yang menyasarkan pasaran yang khusus berlaku pada tahun 2003 (Schaubhut, Weber, & Thompson, 2012) dan seterusnya ditandai

dengan kemunculan perkongsian multimedia dan kemampuan pengguna mencipta kandungan mereka sendiri dengan editor. Revolusi media sosial tidak akan berlaku tanpa perkembangan seiring dengan teknologi telefon bimbit dan kelancaran Internet (Jones, Borgman, & Ulusoy, 2015). Ciri baharu ini membolehkan pengguna menghasilkan kandungan yang tersendiri dan ini menjadikan media sosial sebagai fenomenal global yang sebenar (Correa, Bachmann, Hinsley, & de Zúñiga, 2013).

Kini, untuk mengakses *Facebook*, *YouTube* ataupun *Twitter*; pengguna boleh melakukannya di mana sahaja dan pada bila-bila masa hanya dengan menggunakan telefon pintar (Nabawy, Moawad, Gad, & Ebrahim, 2016). Kemampuan untuk mengakses media sosial melalui aplikasi mudah alih (*mobile web*) juga antara faktor pendorong dalam perkembangan media sosial (Bharati, Zhang, & Chaudhury, 2015). Perkembangan media sosial yang semakin pesat dengan ragam aplikasi seperti mengirim mesej, muat naik ataupun muat turun gambar, permainan, chat, muzik, tayangan video menyebabkan ia diminati oleh golongan belia (mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun) berbanding pengguna dalam kelompok umur yang lain (Alim et al., 2014).

Penerimaan Penggunaan Teknologi Media

Teori Penerimaan Bersepadu Teknologi (UTAUT) oleh Venkatesh et al. (2003) telah mengambil kira faktor-faktor penting yang berkaitan dengan ramalan niat tingkah laku untuk menggunakan teknologi dan teknologi yang digunakan terutamanya dalam konteks organisasi (Venkatesh et al., 2012). Daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Brown dan Cecilia (2013), penyelidik mendapati bahawa teknologi telah memberi kesan kepada satu atau lebih perubahan psikologi yang dapat di lihat menerusi generasi pelajar yang berbeza. Tambahan lagi, kajian yang dijalankan juga telah membuktikan terdapat hubungan antara teknologi dengan kemahiran sosial seseorang individu. Menurut kajian dari Manago et al., (2012), penyelidik melaporkan bahawa individu yang mempunyai rangkaian teknologi sosial yang lebih besar mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi dan mempunyai sokongan sosial.

Kajian Verma (2015) menyatakan bahawa keempat-empat faktor - jangkaan usaha, jangkaan prestasi, pengaruh sosial dan kemudahan prasarana memberi kesan positif kepada penggunaan sistem rangkaian sosial untuk tindakan sosial yang disengajakan. Penemuan data menunjukkan kesan positif dari jangkaan usaha, pengaruh sosial dan kemudahan prasarana dalam pelbagai peringkat. Walaupun begitu, jangkaan prestasi tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tindakan sosial yang disengajakan. Memandangkan topik menarik banyak terdapat di rangkaian sosial, para belia merasa sangat mudah untuk melahirkan perasaan mereka mengenai sistem rangkaian sosial dan menggunakannya untuk tindakan sosial. Di dalam sistem rangkaian sosial, pengguna boleh menjadi anonymous dalam sesuatu kumpulan di media sosial menjadikan mereka lebih mudah untuk menyatakan secara jelas pemikiran mereka, membuat orang lain memahami sifat dan graviti masalah, dan dengan itu menjana sokongan untuk tujuan sosial. Hubungan positif antara pengaruh sosial dan niat tingkah laku menunjukkan bahawa secara psikologi, pengguna cenderung terhadap penerimaan ekspresi sosial pada sistem rangkaian sosial (Verma., 2015). Al-Ghaith (2015) menyatakan bahawa hubungan sosial adalah tarikan utama yang menggalakkan individu untuk menerima pakai sistem rangkaian sosial dan hubungan sosial dalam rangkaian media sosial adalah faktor yang penting. Tambahan lagi, kajian beliau menegaskan bahawa jangkaan untuk meningkatkan hubungan sosial akan menggalakkan individu untuk melibatkan diri dalam media sosial. Selain itu, Al-Ghaith (2015) juga mencadangkan penyedia perkhidmatan

media sosial harus menggunakan kaedah untuk menyokong hubungan emosi antara pengguna dan memberi tumpuan kepada hubungan dalaman antara individu. Secara kesimpulannya, dapat diperhatikan bahawa penerimaan penggunaan teknologi media seseorang individu boleh mempengaruhi kemahiran sosial mereka.

Pola dan tujuan penggunaan media sosial

Antara kajian yang mengkaji pola penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial adalah kajian oleh Ogaji, Okoyeukwu, Wanjiku, Osiro, dan Ogutu (2017). Seramai 145 orang mahasiswa di salah sebuah universiti di Kenya diambil sebagai responden. Hasil kajian mendapati wujud hubungan yang positif signifikan antara pola penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial. Majoriti responden setuju media sosial telah mempengaruhi cara mereka bersosial dengan orang lain. Dapatan daripada kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan media sosial yang sangat kerap menyebabkan penurunan keyakinan diri yang akhirnya menyebabkan responden kurang bergaul dengan orang lain dan lebih aktif mencari kawan menggunakan media sosial.

Selain itu, Lee (2014) menyatakan bahawa terdapat tiga motif utama golongan muda menggunakan media sosial iaitu untuk menonjolkan diri kepada orang lain, berteman dan mencari maklumat yang mempunyai kepentingan dengan diri mereka. Beliau juga mendapati golongan muda menggunakan media sosial untuk menonjolkan kemampuan dan kelebihan yang dimiliki oleh diri mereka sama ada dalam perkara yang melibatkan pendidikan mahupun aktiviti-aktiviti luar yang mereka lakukan. Selain itu, pengguna media sosial juga akan memilih menggunakan media sosial sebagai platform hebahan aktiviti yang akan dianjurkan oleh pihak universiti dan kolej kepada orang lain disebabkan faktor kos dan kecepatan maklumat tersebut tersebar.

Tambahan lagi, kajian oleh Musa, Azmi, dan Ismail (2016) telah menguji hubungan antara tujuan penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial 111 pelajar diploma komunikasi massa di Politeknik Kano. Dengan menggunakan kaedah metodologi campuran (pengedaran borang soal selidik dan perbincangan kumpulan), kajian ini mendapati penggunaan media sosial telah memberi kesan yang positif kepada kemahiran sosial responden (keyakinan diri dan penambahan maklumat). Dapatan kajian ini juga dapat mengesahkan beliau (pelajar) menjadikan penggunaan media sosial sebagai medium untuk mereka melebarkan lagi perhubungan dan dalam masa yang sama mengasah kemahiran sosial yang lain. Selain itu, hasil dapatan kajian-kajian lepas yang tertumpu kepada pemboleh ubah yang sama, atau hampir sama dengan pemboleh ubah penyelidik dalam kajian ini meskipun terdapat juga yang berbeza dari segi skop dan teori turut dibincangkan.

Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial merupakan kebolehan memahami orang lain dan menggunakan kebolehan ini dalam berinteraksi, bekerjasama, membimbing dan menguruskan komunikasi. Menurut Riggio (1986) kemahiran sosial membawa maksud tingkah laku yang prihatin untuk melakukan perhubungan interpersonal yang efektif. Manakala Green (2015) pula mendefinisikan kemahiran sosial sebagai keupayaan untuk berkomunikasi secara efektif dengan individu lain dalam situasi sosial atau kerja. Istilah kemahiran sosial juga digunakan untuk menghasilkan tingkah laku atau respon yang sesuai secara lisan atau bukan secara lisan dalam proses berinteraksi tanpa menyakitkan perasaan orang lain.

Beheshtifar (2013) menjelaskan kemahiran sosial membolehkan seseorang memahami perasaan, tabiat serta hasrat orang lain. Individu ini dapat berinteraksi dengan mudah dan boleh bekerjasama dengan orang lain secara praktikal untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah dan dapat memberi motivasi kepada orang lain. Pembentukan kemahiran sosial yang baik juga akan dapat mendidik sifat kepimpinan dalam diri individu, dapat bekerja dalam pasukan dan mengekalkan perhubungan yang baik. Kemahiran ini merupakan salah satu kemahiran sosial yang perlu diterapkan dalam diri remaja agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan dunia luar (Manap et al., 2016)

Pembentukan kemahiran sosial adalah sebahagian kemahiran kecerdasan emosi yang mempunyai kesan dalam pembentukan keperibadian seorang belia (Muda, Abidin, Ishak, & Razali, 2014). Kemahiran sosial juga boleh didefinisikan sebagai tingkah laku yang bersesuaian untuk berinteraksi di rumah, universiti dan bersama masyarakat (Alim et al., 2014). Sesetengah pendidik merujuk kemahiran sosial sebagai keupayaan sosial individu yang mampu mencapai kejayaan tanpa mengganggu orang lain. Selain itu, kemahiran sosial juga dapat dikatakan sebagai pengumpulan tingkah laku seseorang yang membolehkannya berinteraksi dengan persekitaran. Terdapat beberapa aspek utama dalam kemahiran sosial iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran bergaul, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kepada perubahan, membina pengaruh dan pengurusan konflik (Muda, Abidin, Ishak, & Razali, 2014).


Personaliti Ekstraversi

Personaliti atau sahsiah dapatlah diertikan secara umum sebagai lambang keperibadian seseorang individu yang membawa ciri-ciri perbezaan dengan individu lain. Kajian-kajian awal mengenai personaliti lebih memfokuskan usaha mengenal pasti dan melabel karektor yang boleh menggambarkan tingkah laku individu (Ngang & Ali, 2014). Menurut (Kim, Lee, & Ryu, 2013) personaliti adalah sifat-sifat individu seperti beremosi, cara berfikir, cara berpersepsi, beraksi mahupun lain-lain sifat yang kelihatan berbeza dengan individu yang lain. Teori personaliti Ekstraversi oleh Hans. J Eysenck (1957) dipilih bagi menerangkan tentang personaliti, yang merupakan pemboleh ubah moderator bagi kajian ini. Trait ini digunakan dalam kajian ini sebagai pengujian pemboleh ubah moderator antara pola dan tujuan penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial. Dengan kata lain, personaliti dianggarkan boleh mempengaruhi hubungan tujuan penggunaan media sosial dalam membentuk kemahiran sosial.



Selain daripada itu, dalam dimensi personaliti, ekstraversi adalah yang sering dikaitkan dengan penggunaan sistem sosial media (Ong et al., 2011). Kajian trait personaliti moderator juga pernah dilakukan oleh Abdul Kadir (2010). Beliau telah mengkaji tentang pengaruh kecerdasan emosi ke atas pencapaian kerja pekerja barisan pertama dalam perkhidmatan perniagaan di Malaysia. Meskipun berbeza pemboleh ubah dengan kajian penyelidik, akan tetapi trait personaliti diuji untuk melihat kesan moderator terhadap pemboleh ubah kecerdasan emosi dengan pencapaian kerja. Data telah di kumpul dari 167 orang responden dan di analisis secara analisis deskriptif, korelasi, regresi pelbagai serta regresi pelbagai moderator (MMR) untuk menguji kesan moderator. Dapatan kajian menunjukkan personaliti neurotisisme adalah signifikan sebagai moderator ke atas hubungan antara dimensi kecerdasan emosi dengan dimensi pencapaian kerja. Kecerdasan emosi turut didapati mempunyai kesan langsung terhadap pemboleh ubah bersandar, di samping adanya pengaruh moderator yang menguatkan hubungan.

Kerangka kajian

Pemboleh ubah bebas



Pemboleh ubah bersandar



Kerangka konseptual kajian ini adalah dibina berdasarkan keempat-empat teori yang telah dihuraikan sebelum ini dan sebagai panduan asas dalam kajian ini. Tujuan penggunaan media sosial dan penerimaan penggunaan teknologi media merupakan pemboleh ubah bebas yang dihubungkan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kemahiran sosial belia. Manakala personaliti ekstraversi sebagai moderator pula diandaikan memberikan pengaruh penyederhana terhadap kesan hubungan dimensi pola, tujuan penggunaan media sosial dan penerimaan penggunaan teknologi media ke atas kemahiran sosial belia. Personaliti sebagai pemboleh ubah moderator dalam kajian ini.

Skop Kajian

Kajian mengenai hubungan antara penerimaan penggunaan teknologi dan tujuan penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial dalam kalangan mahasiswa ini melibatkan responden daripada mahasiswa yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi awam iaitu yang sedang mengikuti pengajian sarjana muda di adalah Fakulti Sastera dan Sains Sosial (UM), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (UPM) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (UKM) dan mempunyai media sosial sama ada satu atau lebih daripada tiga media sosial di Malaysia iaitu *Facebook, Instagram atau Twitter*.

Metodologi

Kajian yang dilakukan ini adalah kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Penggunaan borang soal selidik bertujuan untuk mendapatkan banyak maklumat penting dan lebih tepat daripada responden, seterusnya jumlah responden yang lebih banyak boleh dikumpulkan. Selain itu, pendekatan ini juga sebenarnya membolehkan penyelidik menggabungkan analisis statistik tradisional berasaskan ujian teori klasik dan analisis statistik lanjutan iaitu *Structural Equation Modeling* (SEM). Fokus kajian ini adalah kepada mahasiswa yang mempunyai, melayari serta mengikuti perkembangan media sosial di Malaysia. Oleh sebab itu, kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik adalah kaedah yang paling sesuai untuk kajian ini. Bagi setiap kajian, satu set soal selidik yang sama digunakan untuk semua responden. Bagi menepati objektif kajian ini, pengkaji membentuk instrumen kajian ini selari dengan persoalan kajian. Borang soal selidik kajian ini dibentuk dan dibahagikan kepada enam bahagian utama iaitu bahagian A, B, C, D, E dan F.

Bahagian A menjelaskan tentang latar belakang responden. Bahagian B merangkumi tentang pola penggunaan yang terdiri daripada jenis media sosial yang dimiliki, kekerapan jumlah masa penggunaan dalam sehari dan tujuan menggunakan media sosial. Bahagian C dibina berasaskan lima item faktor penggunaan media berdasarkan Teori Kegunaan dan Kepuasan oleh Whiting dan William (2013). Manakala bahagian D pula ialah daripada teori UTAUT dan bahagian E, *The Social Skills Inventory* (SSI) oleh Riggio (1986) digunakan untuk mengukur kemahiran sosial individu. Bahagian terakhir pula ialah bahagian F yang diambil dari soal selidik semakan semula personaliti Eysenck iaitu personaliti Ekstraversi.

Semua instrumen ini dibentuk agar persoalan kajian yang dikaji dapat menepati objektif kajian. Soalan adalah berdasarkan objektif kajian ini dan berbentuk skala *likert* yang diukur berdasarkan skala (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju, dan (5) sangat setuju.

Kesimpulan

Secara rumusannya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara penerimaan penggunaan teknologi dan tujuan penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, kajian ini menggunakan keempat-empat teori atau model dan diintegrasikan dalam kajian ini sebagai suatu pelengkap kepada objektif kajian yang menguji penggunaan media sosial ke atas kemahiran sosial, kesan pengaruh personaliti ke atas kemahiran sosial, kesan pengaruh personaliti ke atas penggunaan media sosial. Seterusnya sebagai mengisi jurang kajian, maka penyelidik variasikan kajian dengan pengujian kesan moderator personaliti ke atas pemboleh ubah bebas dan bersandar. Dengan itu, penerimaan penggunaan teknologi media sosial dan tujuan penggunaan media sosial diandaikan mempunyai kesan terhadap kemahiran sosial belia. Manakala personaliti ekstraversi diandaikan boleh memperkuatkan atau melemahkan hubungan pola penggunaan media sosial dan kemahiran sosial.

Rujukan

- Abdul Kadir. (2010). The Influence of Emotional Intelligence on Front-Line Employees' Job Performance in Service Business. Universiti Teknologi Mara.
- Abdul Rahman.S (2014). Can't Live without my FB, LoL: The Influence of Social Networking Sites on the Communication Skills of TESL Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 134. 213–219. 10.1016/j.sbspro.2014.04.241.
- Alghaith.W. (2015). Applying the Technology Acceptance Model to Understand Social Networking Sites (SNS) Usage: Impact of Perceived Social Capital. *International Journal of Computer Science and Information Technology*. 7. 105-117. 10.5121/ijcsit.2015.7409.
- Alim, A. C., Chan, A., Zhi, H., Bahari, B., Seok, C. B., Mutang, Madlan, L. (2014). Fenomena Ketagihan Facebook dan Keengganan Berkomunikasi secara Bersemuka dalam kalangan Remaja. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, 1–6.
- Bachrach, Y., Kosinski, M., Graepel, T., Kohli, P., & Stillwell, D. (2012). Personality and patterns of Facebook usage. *Proceedings of the 3rd Annual ACM Web Science Conference on - WebSci '12*, 24–32.
- Bachrach.Y., Kosinski.M., Graepel.T., Kohli.P., & Stillwell.D. (2012). Personality and patterns of Facebook usage. *Proceedings of the 3rd Annual ACM Web Science Conference on - WebSci '12*, 24–32.
- Beheshtifar, M. (2013). Social Skills : A Factor to Employees' Success. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 3(3), 74–79.
- Bharati.P., Zhang.W., & Chaudhury.A. (2015). Better knowledge with social media? Exploring the roles of social capital and organizational knowledge management. *Journal of Knowledge Management*, 19(3), 456–475.
- Brown & Cecilia, (2013), "Are We Becoming More Socially Awkward? An Analysis of the Relationship Between Technological Communication Use and Social Skills in College Students." *Psychology Honors Papers*. 40.<http://digitalcommons.conncoll.edu/psychhp/40>
- Cabosky.J., & Cabosky. J. (2016). Social media opinion sharing: beyond volume. *Journal of Consumer Marketing*, 33(3), 172–181.
- Correa, T., Bachmann, I., Hinsley, A., & de Zúñiga, H. (2013). Personality and Social Media Use, (May 2013), 1–8.
- Correa, T., Hinsley, A. W., & de Zúñiga, H. G. (2010). Who interacts on the Web?: The intersection of users' personality and social media use. *Computers in Human Behavior*, 26(2), 247–253.
- Coyle.C. L., & Vaughn, H. (2008). Social networking: Communication revolution or evolution? *Bell Labs Technical Journal*, 13-17. <https://doi.org/10.1002/bltj.20298>
- DeAndrea, David & Ellison, Nicole & Larose, Robert & Steinfield, Charles & Fiore, Andrew. (2012). Serious Social Media: On the Use of Social Media for Improving Students' Adjustment to College. *Internet and Higher Education - INTERNET HIGH EDUC*. 15. 10.1016/j.iheduc.2011.05.009.
- Destiana.I., Salman.A., & Rahim.M. H. A. (2013). Penerimaan Media Sosial: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Palembang. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid, 29(292), 125–140.
- Drago, E. (2015). The effect of technology on face-to-face communication. *The Elon Journal of Undergraduate Research in Communications*, 6(2), 13–19.
- Echeburúa. E., & Requenses.A. (2012). Adicción a las redes sociales y nuevas tecnologías en niños y adolescentes. Madrid: Pirámide
- Eysenck, H. (1957). *Sense and Nonsense in Psychology*. Pelican/Penguin Books Ltd (UK).

- Faradillah Iqmar Omar. (2014). Penerimaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Dalam Kalangan Mahasiswa KUIS. In E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (Vol. 53, pp. 64–74).
- Green, F. (2015). *Skills and Skilled Work: An Economic and Social Analysis*. Oxford University Press.
- Jones, N., Borgman, R., & Ulusoy, E. (2015). Impact of social media on small businesses. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 22(4), 611–632.
- Kim.B., & Kim.Y. (2017). College students' social media use and communication network heterogeneity: Implications for social capital and subjective well-being. *Computers in Human Behavior*, 73, 620–628.
- Kim.J., Lee, A., & Ryu.H. (2013). Personality and its effects on learning performance: Design guidelines for an adaptive e-learning system based on a user model. *International Journal of Industrial Ergonomics*, 43(5), 450–461.
- Lau, W. W. F. (2017). Effects of social media usage and social media multitasking on the academic performance of university students. *Computers in Human Behavior*, 68, 286–291.
- Lee, A. R. (2014). The effect of social media communications on positive youth development: An analysis of 4-H Facebook pages and 4-H'ers' positive development. *ProQuest Dissertations and Theses*, 77(April), 111.
- Mahfudlah Fajrie. (2015). Analisis Uses and Gratification Dalam Menentukan Strategi Dakwah. *Jurnal Islamic Review*, IV(1), 19–34.
- Manago. A. M., Taylor.T., & Greenfield.P. M., (2012). Me and my 400 friends: The anatomy of college students' Facebook networks, their communication patterns, and wellbeing. *Developmental Psychology*, 48, 369–380
- Manap, J., Hamzah, M. R., Amin, A. S., Mohd Izani, N. N., Idris, F., Hamjah, S. H., ... Saim, N. J. (2016). Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. *International Conference on Social and Economic Development*, (November).
- Mark.G., & Ganzach.Y. (2014). Personality and Internet usage: A large-scale representative study of young adults. *Computers in Human Behavior*, 36, 274–281.
- Matali, J., & Alda, J. (2008). *Adolescentes y nuevas tecnologías. Innovación o adicción*. Barcelona: Edebe.
- Muda, T. E. A. T., Abidin, S. Z., Ishak, M. F., & Razali, A. S. M. (2014). Kemahiran Sosial Menurut Persoektif Islam: Aplikasinya Dalam Membentuk Keperibadian Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 1(2), 42–56.
- Musa.A. S., Azmi.M. N. L., & Ismail.N. S. (2016). Exploring the Uses and Gratifications Theory in the Use of Social Media among the Students of Mass Communication in Nigeria. *Malaysian Journal of Distance Education*, 17(2), 83–95.
- Nabawy, G. El, Moawad, A., Gad, G., & Ebrahim, S. (2016). The Relationship between use of Technology and Parent- Adolescents Social Relationship, 7(14), 168–178.
- Ngang.T. K., & Ali.Z. (2014). Kepemimpinan Kemahiran Insaniah dan Pengurusan Kurikulum Pengetua di Sekolah Berprestasi Tinggi (Leadership Soft Skills and Curriculum Management of Principals in High Performing School). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 77–82.
- Ogaji, I. J., Okoyeukwu, P. C., Wanjiku, I. W., Osiro, E. A., & Ogutu, D. A. (2017). Pattern of use of social media networking by Pharmacy students of Kenyatta university, Nairobi, Kenya. *Computers in Human Behavior*, 66, 211–216.
- Ong, Eileen & Ang, Rebecca & Ho, Jim & Lim, Joylynn & Goh, Dion & Lee, Chei Sian & Chua, Alton. (2011). Narcissism, extraversion and adolescents' self-presentation on

- Facebook. *Personality and Individual Differences*, 50, 180–185. 10.1016/j.paid.2010.09.022.
- Riggio, R. (1986). Assessment of Basic Social Skills. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 649-660. 10.1037/0022-3514.51.3.649.
- Schaubhut, N., Weber, A., & Thompson, R. (2012). Myers-Briggs Type and Social Media Report, 1–10.
- Venkatesh, & Davis. (2000). A Theoretical Extension of the Technology Acceptance Model Four Longitudinal Field Studies. *Management Science*, 186-204.
- Verma, S. (2015). Harnessing the Benefit of Social Networking Sites for Intentional Social Action: Determinants and Challenges. *Vision*, 19(2), 104–111. <https://doi.org/10.1177/0972262915575447>
- Whiting, A., & William, D. (2013). Why people use social media: a uses and gratifications approach. *Qualitative Market Research: An International Journal*, 16(4), 362–369.
- Yao, Z. (2014). The Relationship between Personality and Facebook Usage. Hanover College.
- Yoo, K. & Gretzel, U. (2010). Antecedents and impacts of trust in travel-related consumer-generated media. *Journal of Information Technology and Tourism*, 12 (2), 139-152.
- Zorofi, M. (2013). Relationship between media usage and skills development of students. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology*, 5(6), 1876–1882.